

**PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959
PERENTAH DZARURAT
(PENYALAHGUNAAN DADAH), 1978**

Undang2 yang berikut ada-lah dengan ini di-arahkan supaya di-siarkan oleh Peguam Negara, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang di-kurniakan pada 13hb. Jun, 1978, menurut perenggan 3 dari Perentah Dzarurat (Penyalahgunaan Dadah), 1978.

**UNDANG2 PENYALAHGUNAAN DADAH,
1978**

SUSUNAN BAB2

BAHAGIAN I

GELARAN PENDEK DAN TAFSIRAN

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II
KESALAHAN2 MELIBATI DADAH
YANG DI-KAWAL**

3. Memperdagangkan dadah yang di-kawal.
4. Pengkilangan dadah yang di-kawal.
5. Pengimpotan dan pengekspotan dadah yang di-kawal.
6. Pemilekan dan penggunaan dadah yang di-kawal.
7. Pemilekan paip2, alat2, dsb.
8. Penanaman pokok2 cannabis, chandu dan coca.
9. Tanggongjawab2 tuan2 punya dan penyewa2, dsb.
10. Subahat dan penchubaan boleh di-hukum sebagai kesalahan2.
11. Bersubahat atau menghasilkan perlakuan kesalahan2 di-luar Negeri Brunei.
12. Kesalahan2 oleh perbadanan2.

BAHAGIAN III

**BUKTI KETERANGAN,
PENGUATKUASAAN DAN HUKUMAN**

13. Perakuan undang2 yang serupa.
14. Sijil Penganalisa.


BAHAGIAN III (*Sambongan*)

15. Anggapan mengenai pemilekan dadah yang di-kawal yang tertentu bagi maksud memperdagangkan.
16. Anggapan terhadap pemilekan dan pengetahuan mengenai dadah yang di-kawal.
17. Anggapan mengenai bangunan.
18. Anggapan berhubong dengan kapal atau pesawat terbang.
19. Anggapan berhubong dengan kenderaan.
20. Perlindongan bagi pemberirahsia (informer).
21. Kuasa2 menggeledah dan merampas.
22. Kuasa menangkap.
23. Kuasa menggeledah kapal, pesawat terbang, kenderaan atau kereta api dan orang yang tiba di-Brunei atau berlepas dari Brunei.
24. Perluchutan hak terhadap dadah yang di-kawal dan benda2 yang di-rampas.
25. Perluchutan hak terhadap kapal, pesawat terbang atau kenderaan.
26. Melakukan apa sahaja terhadap barang2 yang diluchutkan hak.
27. Menghalang pemereksaan atau penggeledahan.
28. Pemereksaan ayer kenching.
29. Hukuman bagi kesalahan2.

BAHAGIAN IV

'A.M.

30. Bidangkuasa mahkamah2 dan penda'awaan.
31. Lepas tanggongan (Indemnity).
32. Perlindongan orang2 yang bertindak di-bawah kuat-kuasa Undang2.
33. Rawatan bagi penageh2 dadah.
34. Peratoran2.
35. Kuasa Sultan dalam Majlis Mashuarat untuk meminda Jadual Pertama.
36. Pemansokhan.
 - Jadual Pertama.
 - Jadual Kedua.



NEGERI BRUNEI
E 7 TAHUN 1978
UNDANG2 PENYALAHGUNAAN DADAH,
1978

Beta bersetuju,



HASSANAL BOLKIAH
*Duli Yang Maha Mulia
 Paduka Seri Baginda Sultan
 dan Yang Di-Pertuan.*

No. 14 tahun 1956.

Satu Undang2 untuk mengadakan sharat bagi pengawalan dadah yang berbahaya atau pun yang memudharatkan dan bagi maksud2 yang berkaitan dengan-nya dan untuk memansokhkan Undang2 Dadah Yang Berbahaya, 1956 (Dangerous Drugs Enactment, 1956).

[13hb Jun 1978]

BAHAGIAN I

GELARAN PENDEK DAN TAFSIRAN

Gelaran pendek dan permulaan

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Penyalahgunaan Dadah, 1978 dan hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya pada Satu haribulan Julai, 1978.

Tafsiran.

2. Di-dalam Undang² ini, kechualи jika maksud-nya berkehendakan ma ana yang lain —
- “yayasan yang di-luluskan” berma’ana mana2 yayasan atau tempat yang di-luluskan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat bagi rawatan dan pemulihhan penageh² dadah;
- “benda yang boleh di-rampas” berma’ana apa jua wang atau barang dengan jalan mana atau berhabit dengan mana sasuatu kesalahan dibawah Undang² ini telah di-lakukan atau yang mempunyai bukti keterangan bagi sasuatu kesalahan dibawah Undang² ini;
- “cannabis” berma’ana mana2 bahagian apa jua pokok dari jenis cannabis daripada mana damar-nya maseh belum di-perah, dengan apa jua nama pun ia-nya mungkin di-gelar;
- “damar cannabis” berma’ana damar yang telah di-asingkan, sama ada dalam keadaan mentah atau sudah di-bersehkan, yang di-perolehi dari pada apa jua pokok dari jenis cannabis;
- “Dadah Kelas A”, “Dadah Kelas B” dan “Dadah Kelas C” berma’ana mana2 dari bahan² dan keluaran² yang pada masa itu di-tentukan masing2-nya dalam Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III dari Jadual Pertama kapada Undang² ini;
- “dadah yang di-kawal” berma’ana apa jua bahan atau keluaran yang pada masa itu di-tentukan dalam Bahagian I, II atau III dari Jadual Pertama

kapada Undang2 ini atau apa jua yang mengandungi apa jua bahan atau keluaran sademikian;

“undang2 yang serupa” berma’ana satu undang2 yang di-nyatakan dalam sa-suatu perakuan yang di-katakan telah di-keluarkan oleh atau bagi pehak kerajaan sa-sabuah negeri di-luar Negeri Brunei sebagai satu undang2 yang mengadakan sharat bagi mengawal dan mengator dalam negeri itu terhadap pengeluaran, pembekalan, penggunaan, pengekspotan dan pengimutan dadah dan bahan2 lain menurut sharat2 “the Single Convention on Narcotic Drugs” yang telah di-tanda-tangani di-New York pada 30hb Mach, 1961, atau satu undang2 yang mengadakan sharat bagi mengawal dan mengator di-dalam negeri itu terhadap pengeluaran, pembekalan, penggunaan, pengekspotan dan pengimutan dadah yang berbahaya atau pun yang memudharatkan menurut mana2 triti, konvenshen atau perjanjian atau penyusunan lain kapada mana kerajaan negeri itu dan Kerajaan Brunei ada-lah pada masa itu menjadi pehak2;

“tukang gigi” berma’ana sa-saorang tukang gigi yang di-daftarkan di-bawah sharat2 Undang2 Pendaftaran Tukang2 Ubat dan Tukang2 Gigi, 1956 (the Medical Practitioners and Dentists Registration Enactment, 1956) dan termasok sa-saorang tukang gigi Kerajaan;

“penageh dadah” berma’ana sa-saorang yang kerana menggunakan mana2 dadah yang di-kawal -

- (a) telah menjadi tabi’at mengidam atau memerlukan terus menggunakan dadah yang di-kawal sademikian; atau
- (b) telah menjadi tabi’at bergantong dari segi jiwa (psychological) atau jasmani (physical) kepada kesan dari dadah yang di-kawal sademikian;

No.23 tahun 1956.

“pegawai imigeresen” mempunyai ma’ana yang sama saperti yang di-dalam Undang2 Imigeresen, 1956 (Immigration Enactment, 1956);

No. 15 tahun 1956.

“pengkilangan”, berhubong dengan sa-suatu dadah yang di-kawal, termasok sebarang chara menghasilkan penge-luaran dadah sademikian dan menapis atau mengubah rupa daripada satu dadah kepada dadah lain;

No. 5 tahun 1954.

“tukang ubat” berma’ana sa-saorang tukang ubat yang di-daftarkan di-bawah sharat2 Undang2 Pendaftaran Tukang2 Ubat dan Tukang2 Gigi 1956 dan termasok sa-saorang pegawai perubatan;

“pegawai kastam” dan “pegawai kanan kastam” masing2-nya mempunyai ma’ana yang sama saperti yang di-dalam Undang2 Kastam, 1954 (Cus-toms Enactment, 1954);

No. 15 tahun 1956.

Penggal 50

“ahli2 ubat2an” berma’ana sesiapa jua yang memegang apa jua ijazah, diploma atau lesen yang di-luluskan oleh Lembaga Perubatan yang di-tubohkan di-bawah cheraian (1) bab 9 dari Undang2 Pendaftaran Tukang2 Ubat dan Tukang2 Gigi, 1956;

“pegawai pulis” mempunyai ma’ana yang sama saperti yang di-dalam Undang2 Pasokan Pulis (Police Force Enactment);

“berdagang” berma’ana -

- (a) menjual, memberi, menyelenggarakan, mengangkut, menghantar, menyampaikan atau menyebarluaskan; atau
- (b) menawarkan supaya melakukan apa jua yang di-sebutkan dalam perenggan (a) di atas,

selain dari di-bawah kuatkuasa Undang2 ini atau peraturan2 yang di-perbuat di-bawah-nya; dan “memperdagangkan” mempunyai ma’ana yang sama;

“Doktor haiwan” berma’ana sa-saorang yang memegang diploma keahlian “the Royal College of Veterinary Surgeons of England”, atau diploma yayasan haiwan British atau asing atau badan pemereksa yang di-luluskan oleh Lembaga Perubatan yang di-tubohkan di-bawah cheraian (1) bab 9 dari Undang2 Pendaftaran Tukang2 Ubat dan Tukang2 Gigi, 1956.

No. 15 tahun 1956.

BAHAGIAN II

KESALAHAN2 MELIBATI DADAH YANG DI-KAWAL

Memperdagangkan dadah yang di-kawal.

3. Kechuali sebagaimana yang di-benarkan oleh Undang2 ini atau peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya, ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang, bagi pehak diri-nya sendiri atau bagi pehak mana2 orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ada di-Brunei untuk —

- (a) berdagang dadah yang di-kawal;
- (b) menawarkan untok berdagang dadah yang di-kawal; atau
- (c) melakukan atau menawarkan supaya di-lakukan apa jua perbuatan sabelum atau bagi maksud memperdagangkan dadah yang di-kawal.

Pengkilangan dadah yang di-kawal.

4. Kechuali sebagaimana yang di-benarkan oleh Undang2 ini atau peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya, ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang untok mengkilang dadah yang di-kawal.

Pengimutan dan pengekspotan dadah yang di-kawal.

5. Kechuali sebagaimana yang di-benarkan oleh Undang2 ini atau peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya, ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang untok mengimut masok ka-Brunei atau mengekspot dari Brunei dadah yang di-kawal.

Pemilekan dan penggunaan dadah yang di-kawal.

6. Kechuali sebagaimana yang di-benarkan oleh Undang2 ini atau peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya, ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang untuk —

- (a) mempunyai dalam milek-nya dadah yang di-kawal; atau

- (b) menghisap, menggunakan pada diri-nya sendiri atau dengan sechara lain memakan dadah yang di-kawal.
- Pemilekan paip², alat² dsb.
7. Kechuali sebagaimana yang di-benarkan oleh Undang² ini atau peratoran² yang di-perbuat di-bawah-nya, ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang untuk mempunyai dalam milek-nya sebarang paip, alat suntekan (syringe), alat, perkakas atau benda lain yang di-maksudkan untuk menghisap, menggunakan atau memakan dadah yang di-kawal.
- Penanaman pokok² cannabis, chandu dan coca.
8. Ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang untuk menanam apa jua pokok jenis cannabis, atau apa jua pokok dari jenis "papaver somniferum" atau apa jua pokok jenis "oxythroxylon" daripada mana "cocaine" dapat di-perah.
- Tanggongjawab² tuan² punya dan penyewa² dsb.
9. Ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang yang menjadi tuan punya, penyewa, penghuni atau orang yang menjaga mana² tempat atau bangunan, untuk membenarkan atau menyebabkan tempat atau bangunan sademikian atau mana² bahagian daripada-nya supaya di-buka, di-sediakan atau di-gunakan bagi maksud menghisap, menggunakan atau memakan apa jua dadah yang di-kawal atau bagi memperdagangkan dengan sechara haram atau mengkilang dengan sechara haram dadah yang di-kawal.
- Subahat dan penchubaan boleh di-hukum sebagai kesalahan².
10. Sesiapa jua yang bersubahat dalam melakukan atau yang chuba melakukan atau melakukan sebarang perbuatan sabelum atau membantu dalam melakukan apa jua kesalahan di-bawah Undang² ini ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahan-nya hukum yang di-persharatkan bagi kesalahan sademikian.

Bersubahat atau menghasilkan perlakuan kesalahan2 di-luar Negeri Brunei.

11. Ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang untuk —

- (a) membantu, bersubahat, menasehati atau menghasilkan perlakuan di-mana2 tempat di-luar Negeri Brunei sasuatu kesalahan yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah sa-suatu undang2 yang serupa yang berkuatkuasa di-dalam tempat itu; atau
- (b) melakukan sasuatu perbuatan sabelum, atau sebagai membantu, sasuatu perbuatan di-luar Negeri Brunei yang mana jika di-lakukan di-Brunei akan menjadi kesalahan di-bawah Undang2 ini.

Kesalahan2 oleh perbadanan2.

12. Jika mana2 kesalahan di-bawah Undang2 ini yang di-lakukan oleh sa-sabuah perbadanan di-buktikan telah di-lakukan dengan persetujuan atau pengetahuan, atau di-sebabkan oleh apa jua kechuaian dari pehak, mana2 pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain perbadanan itu yang serupa, atau sesiapa jua yang di-katakan telah bertindak dalam mana2 kedudukan sademikian, maka ia dan juga perbadanan itu ada-lah bersalah melakukan kesalahan itu dan boleh di-kenakan tindakan saterusnya.

BAHAGIAN III

BUKTI KETERANGAN, PENGUATKUASAAN DAN HUKUMAN

Perakuan undang2 yang serupa.

13. Sasuatu dokumen yang di-katakan telah di-keluarkan oleh atau bagi pehak kerajaan sa-sabuah negeri dan di-katakan ada menyatakan sharat2 sasuatu undang2 yang serupa yang berkuatkuasa dalam negeri itu boleh di-terima

sebagai bukti keterangan, dalam sasatu perbicharaan terhadap sasatu kesalahan di-bawah Undang2 ini, apakala di-kemukakan-nya oleh pehak penda'awa tanpa bukti keterangan lain, dan dokumen sademikian ada-lah menjadi bukti keterangan mu'tamad —

- (a) bahawa ia-nya di-keluarkan oleh atau bagi pehak kerajaan negeri itu;
- (b) bahawa sharat2 undang2 sademikian ada-lah saperti yang di-nyatakan dalam dokumen tersebut; dan
- (c) bahawa sebarang perkara yang di-nyatakan di-dalam dokumen itu yang menjadi kesalahan di-bawah undang2 sademikian menjadi kesalahan tersebut.

Sijil Penganalisa.

14. (1) Dengan tidak menyentoh sebarang sharat dari mana2 undang2 bertulis yang ber-tentangan, sasatu sijil yang di-katakan telah di-tanda-tangani oleh sa-saorang penganalisa dan di-katakan berhubong dengan dadah yang di-kawal boleh di-terima sebagai bukti keterangan, di-dalam mana2 perbicharaan terhadap sasatu kesalahan di-bawah Undang2 ini, apakala di-kemukakan-nya oleh pehak penda'awa tanpa bukti keterangan tanda-tangan dan, sahingga di-buktikan sebalek-nya sijil sademikian ada-lah menjadi bukti keterangan pada dzahir-nya (prima facie evidence) bagi semua perkara yang ter-kandong di-dalam-nya.

(2) Di-dalam bab ini “penganalisa” ber-ma’ana —

- (a) sesiapa jua yang berkerja pada masa itu sechara keselurohan-nya atau sa-bahagian-nya dalam kerja2 menganalisa di-dalam mana2 jabatan Kerajaan;

- (b) mana2 ahli kimia yang berkerja dengan Kerajaan Singapura atau Malaysia:

Dengan sharat bahawa ahli kimia sademikian tidak boleh, tanpa persetujuan-nya, di-panggil sebagai saorang saksi berkaitan dengan mana2 laporan yang ditanda-tangani oleh-nya; dan

- (c) mana2 orang lain yang Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mengishtiharkan dengan nama atau jawatan sebagai saorang pengalisa bagi maksud2 Undang2 ini.

Anggapan
mengenai pe-
milekan dadah yang
di-kawal yang
tertentu bagi
maksud2 memper-
dagangkan.

15. Sesiapa jua yang di-buktikan atau di-anggap telah mempunyai dalam milek-nya lebih dari —

- (a) 100 gram chandu;
- (b) 3 gram morphine yang terkandong di-dalam mana2 dadah yang di-kawal;
- (c) 2 gram diamorphine (heroin) yang terkandong di-dalam mana2 dadah yang di-kawal;
- (d) 15 gram cannabis atau damar cannabis,

ada-lah, sahingga di-buktikan sebalek-nya, di-anggap telah mempunyai dadah yang di-kawal itu dalam milek-nya bagi maksud memperdagangkan-nya.

Anggapan2 ter-
hadap pemilekan
dan pengetahuan
mengenai dadah
yang di-kawal.

16. (1) Sesiapa jua yang di-buktikan telah mempunyai dalam milek-nya atau simpanan-nya atau di-bawah kawalan-nya —

- (a) apa jua yang mengandungi dadah yang di-kawal;
- (b) kunchi2 apa jua yang mengandungi dadah yang di-kawal;

(c) kunchi2 mana2 tempat atau bangunan atau mana2 bahagian daripada-nya dalam mana dadah yang di-kawal ada di-jumpai; atau

(d) sasuatu dokumen hakmilek berhubong dengan dadah yang di-kawal atau apa jua dokumen lain yang di-maksudkan untuk menyampaikan dadah yang di-kawal,
ada-lah, sahingga di-buktikan sebalek-nya, di-anggap telah mempunyai dadah sademikian dalam milek-nya.

(2) Sesiapa jua yang di-buktikan atau di-anggap telah mempunyai dadah yang di-kawal dalam milek-nya ada-lah, sahingga di-buktikan sebalek-nya, di-anggap telah mengetahui jenis dadah sademikian.

(3) Anggapan yang di-persharatkan dalam bab ini tidak boleh di-patahkan dengan bukti bahawa yang di-tudoh tidak pernah memilekki pada tangan-nya dadah yang di-kawal tersebut.

(4) Jika salah saorang dari dua orang atau lebih dengan pengetahuan serta persetujuan yang lain mempunyai apa jua dadah yang di-kawal dalam milek-nya maka ada-lah di-anggap yang dadah itu dalam milek tiap2 dan semua orang itu.

Anggapan
mengenai
bangunan

17. (1) Bilamana sasuatu paip, alat suntekan (syringe), alat, perkakas atau benda lain yang di-maksudkan untuk menghisap, menggunakan atau memakan dadah yang di-kawal di-jumpai di-dalam mana2 tempat atau bangunan, maka ada-lah di-anggap, sahingga di-buktikan sebalek-nya, bahawa tempat atau bangunan sademikian ada-lah di-gunakan bagi maksud menghisap atau menggunakan dadah yang di-kawal.

(2) Sesiapa jua yang di-jumpai di-dalam atau melarikan diri dari mana2 tempat atau

bangunan yang di-buktikan atau di-anggap telah di-gunakan bagi maksud menghisap atau menggunakan dadah yang di-kawal ada-lah, sahingga di-buktikan sebalek-nya, di-anggap telah menghisap atau menggunakan dadah yang di-kawal di-dalam tempat atau bangunan sademikian.

Anggapan ber-hubung dengan kapal atau pesawat terbang

18. Jika sebarang dadah yang di-kawal di-jumpai di-dalam mana2 kapal atau pesawat terbang maka ada-lah di-anggap, sahingga di-buktikan sebalek-nya, bahawa dadah sademikian telah di-impot di-dalam kapal atau pesawat terbang tersebut dengan pengetahuan nakhoda atau kapten-nya.

Anggapan ber-hubung dengan kenderaan.

19. Jika sebarang dadah yang di-kawal di-jumpai di-dalam mana2 kenderaan maka ada-lah, sahingga di-buktikan sebalek-nya, di-anggap yang dadah itu dalam milek tuan punya kenderaan tersebut dan orang yang menjaga kenderaan itu pada masa itu.

Perlindongan bagi pemberirahsia (informers).

20. (1) Kechuali sebagaimana yang di-persharatkan dalam cheraian (3) dari bab ini —

- (a) tiada sebarang ma'alumat bagi sasatu kesalahan di-bawah Undang2 ini boleh di-terima sebagai bukti keterangan dalam mana2 perbicharaan sivil atau jenayah; dan
- (b) sebarang saksi dalam mana2 perbicharaan sivil atau jenayah tidaklah bertanggong-jawab —
 - (i) untuk memberitahu nama dan alamat mana2 pemberirahsia (informer) yang telah memberikan ma'alumat berthabit dengan sasatu kesalahan di-bawah Undang2 ini; atau

(ii) untuk menjawab apa jua soal jika jawapan terhadap-nya akan membawa, atau akan berkemungkinan membawa, kepada kedapatan nama atau alamat pemberirahsia (informer) tersebut.

(2) Jika mana2 buku, dokumen atau kertas yang menjadi bukti keterangan atau boleh di-pereksa dalam mana2 perbicharaan sivil atau jenayah mengandungi sasatu chatetan dalam mana mana2 pemberirahsia (informer) ada di-chatetkan nama-nya atau di-nyatakan atau yang mungkin membawa kepada kedapatan-nya, maka mahkamah hendak-lah menyebabkan semua chatetan sademikian supaya di-semبunyikan atau di-hapuskan setakat yang mungkin perlu untuk memperlindungi pemberirahsia (informer) daripada kedapatan.

(3) Jika dalam mana2 perbicharaan di-hadapan sa-sabuah mahkamah terhadap sasatu kesalahan di-bawah Undang2 ini mahkamah itu, salepas penyiasatan penoh mengenai kes itu, berpuashati bahawa sa-saorang pemberirahsia (informer) telah dengan sengaja membuat sasatu kenyataan mustahak yang ia mengetahui atau memperchayai sebagai falsu atau tidak mem-perchayai-nya benar, atau jika di-dalam mana2 perbicharaan lain mahkamah berpendapat bahawa ke'adilan tidak boleh di-lakukan dengan saperloh-nya di-antara pehak2 kapada perbicharaan itu tanpa memberitahu nama pemberirahsia (informer) maka mahkamah itu boleh membenarkan penyiasatan dan mengkehendakki pemberitahuan saperloh-nya mengenai pemberirahsia (informer) itu.

Kuasa2
menggeledah dan
merampas.

21. (1) Sa-saorang Pegawai Pulis yang tidak rendah dari pangkat Penolong Penguasa Pulis atau mana2 pegawai pulis yang di-beri kuasa

oleh-nya atau mana2 pegawai kanan kastam boleh pada bila2 masa —

- (a) tanpa waran memasokki dan menggeledahi mana2 tempat atau bangunan di-dalam mana ia dengan munasabah mengshakki bahawa boleh di-jumpai sasuatu dadah yang di-kawal atau benda yang boleh di-rampas;
- (b) memereksa sesiapa jua yang di-dapati di-dalam tempat atau bangunan sademikian; dan
- (c) merampas dan menahan mana2 dadah yang di-kawal yang di-jumpai di-dalam tempat atau bangunan sademikian, atau sebarang benda yang boleh di-rampas.

(2) Bagi maksud menjalankan kuasa-nya di-bawah bab ini sa-saorang pegawai boleh, dengan bantuan yang di-anggap-nya perlu, memecahkan sebarang pintu, jendela, mengga, pengikat, lantai, dinding, langit2, bahagian bilek, peti, bekas atau apa jua barang lain.

Kuasa menangkap. 22. (1) Sa-saorang pegawai pulis atau sa-saorang pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran sesiapa jua yang telah melakukan atau yang ia dengan munasabah mengshakki telah melakukan sasuatu kesalahan di-bawah Undang2 ini.

(2) Sesiapa jua yang telah di-tangkap sademikian hendak-lah, bersama2 dengan apa jua benda yang boleh di-rampas, di-bawa ka-balai pulis atau seteshen kastam dan boleh di-pereksa.

(3) Tiada sa-saorang perempuan pun boleh di-pereksa di-bawah Undang2 ini kechuali oleh sa-saorang pegawai perempuan.

Kuasa menggeledah kapal, pesawat terbang atau kenderaan dan orang yang tiba di-Brunei atau berlepas dari Brunei.

(4) Sa-saorang pegawai yang melakukan tangkapan di-bawah bab ini boleh merampas dan menahan apa jua benda yang boleh di-rampas.

23. (1) Sa-saorang pegawai pulis atau sa-saorang pegawai kastam boleh —

- (a) menahan, menaikki dan menggeledahi mana2 kapal, hovercraft, pesawat terbang atau kenderaan jika ia mempunyai sebab untok mengshakki bahawa ada terdapat di-dalam-nya apa jua benda yang boleh di-rampas;
- (b) memereksa sesiapa jua di-dalam kapal, hovercraft, pesawat terbang atau kenderaan sademikian; dan
- (c) memereksa sesiapa jua yang tiba di-Brunei atau hendak berlepas dari Brunei.

(2) Sa-saorang pegawai boleh merampas dan menahan mana2 dadah yang di-kawal atau benda yang boleh di-rampas akibah dari apa jua penggeledahan di-bawah bab ini, dan boleh merampas dan menahan mana2 kapal, hovercraft, pesawat terbang atau kenderaan yang telah di-gunakan dalam melakukan atau berkaitan dengan sasauatu kesalahan di-bawah Undang2 ini.

Perluchutan hak terhadap dadah yang di-kawal dan benda2 yang di-rampas.

24. (1) Bilamana sahaja apa jua telah di-rampas di-bawah Undang2 ini, pegawai yang merampas hendak-lah dengan serta-merta memberi notis sechara bertulis mengenai perampasan sademikian kepada tuan punya barang itu, jika di-ketahui, sama ada dengan menyerahkan notis itu kepada-nya sendiri atau melalui pos di-tempat kediaman-nya jika di-ketahui.

Dengan sharat bahawa notis sademikian tidak-lah di-kehendakki untok di-berikan jika perampasan sademikian di-lakukan di-hadapan pesalah atau tuan punya atau wakil-nya, atau

dalam perkara sa-sabuah kapal atau pesawat terbang di-hadapan nakhoda atau kapten-nya.

(2) Sasuatu perentah bagi perluchutan hak terhadap sebarang dadah yang di-kawal atau benda hendak-lah di-buat jika di-buktikan sahingga kepuasan sa-sabuah mahkamah bahawa sasuatu kesalahan di-bawah Undang² ini telah di-lakukan dan bahawa dadah yang di-kawal atau benda sademikian telah menjadi perkara atau telah di-gunakan dalam melakukan kesalahan tersebut walau pun mungkin tiada sebarang orang telah di-dapati thabit-kesalahan-nya terhadap kesalahan demikian.

(3) Jika tidak ada sebarang penda'awaan berkenaan dengan mana2 dadah yang di-kawal atau benda yang telah di-rampas di-bawah Undang² ini maka dadah atau benda sademikian ada-lah di-anggap telah luchut hak-nya ketika tamat tempoh sa-bulan dari tarikh perampasan-nya melainkan sasuatu tuntutan terhadap-nya telah di-buat sabelum tarikh itu dengan chara yang mungkin di-tetapkan.

Perluchutan hak terhadap kapal, pesawat terbang atau kenderaan.

25. Jika sa-saorang telah di-dapati thabit-kesalahan-nya di-bawah Undang² ini mahkamah boleh memerentahkan supaya di-luchutkan hak kapada Kerajaan akan mana2 kapal, hovercraft, pesawat terbang atau kenderaan yang telah di-buktikan telah di-gunakan dengan apa jua chara pun berkaitan dengan kesalahan tersebut kechuali —

(a) bab ini tidak boleh di-kenakan kepada mana2 kapal atau hovercraft yang berat-nya lebeh dari dua ratus ton berseh atau kepada mana2 pesawat terbang kepunyaan mana2 orang yang menjalankan perkhidmatan membawa penumpang biasa pergi dan balek Brunei

dengan jalan menggunakan pesawat terbang tersebut; dan

- (b) tiada sebarang kapal, hovercraft, pesawat terbang atau kenderaan boleh di-luchutkan hak di-bawah bab ini, jika di-buktikan oleh tuan punya yang kapal, hovercraft, pesawat terbang atau kenderaan tersebut telah berada dalam milek orang lain dengan sechara haram tanpa kebenaran tuan punya.

Melakukan apa sahaja terhadap barang² yang diluchutkan hak.

26. (1) Semua barang yang di-luchutkan hak kepada Kerajaan di-bawah Undang² ini boleh di-lakukan apa sahaja kepada-nya sechara yang Menteri Besar fikirkan patut.

(2) Menteri Besar boleh, atas pertimbangannya sendiri dan salepas selesai-nya sebarang perbincaraan di-bawah Undang² ini, melayani dan menghasilkan sebarang tuntutan terhadap atau berhabit dengan apa jua yang telah di-luchutkan hak kepada Kerajaan.

Menghalang pemerkosaan atau penggeledahan.

27. Ada-lah menjadi kesalahan bagi seseorang untuk —

- (a) menghalang mana2 pegawai pulis atau pegawai kastam atau pegawai kerajaan lain dalam menjalankan sebarang kuasa di-bawah Undang² ini;
- (b) gagal mematohi apa jua kehendak yang sah di-sisi undang² daripada mana2 pegawai pulis atau pegawai kastam atau pegawai kerajaan lain dalam melaksanakan tugas-nya di-bawah Undang² ini;
- (c) gagal, tanpa sebab yang munasabah, memberikan ma'alamat yang dalam milek-nya yang mungkin di-

kehendakki oleh sa-saorang pegawai pulis atau pegawai kastam atau pegawai kerajaan lain; atau

- (d) memberikan kapada mana2 pegawai pulis atau pegawai kastam atau pegawai kerajaan lain apa jua ma'alumat yang ia mengetahui atau mempunyai sebab untuk memperchayai-nya sebagai falsu.

Pemereksaan ayer kenching.

28. (1) Mana2 pegawai pulis yang tidak rendah dari pangkat sarjan atau sa-saorang pegawai imigeresen boleh, jika ia dengan munasabah mengshakki bahawa sesiapa jua ada dalam tuboh badan-nya dadah yang di-kawal, mengkehendakki orang itu supaya membekalkan chontoh ayer kenching-nya untuk pemereksaan ayer kenching.

(2) Sa-saorang yang, tanpa sebab yang berpatutan, gagal untuk membekalkan chontoh ayer kenching-nya dalam masa yang mungkin di-kehendakki oleh mana2 pegawai yang disebutkan dalam cheraian tadi ada-lah bersalah.

(3) Sesiapa jua (selain dari saorang Brunei atau penduduk tetap) yang tiba di-Brunei dengan jalan darat, laut atau udara yang —

- (a) gagal mematohi kehendak sa-saorang pegawai imigeresen dibawah bab ini; atau
- (b) di-dapati akibah dari pemereksaan ayer kenching telah memakan dadah yang di-kawal,

boleh di-tegah masok atau tinggal di-Brunei.

(4) Jika sebarang dadah yang di-kawal di-dapati di-dalam ayer kenching sa-saorang akibah dari pemerekisan ayer kenching, dia hendak-lah di-anggap, sahingga di-buktikan sebalek-nya, telah memakan dadah yang di-kawal itu bertentangan dengan perenggan (b) bab 6 dari Undang2 ini.

Hukuman bagi
kesalahan2 Jadual
kedua.

29. (1) Jadual Kedua kepada Undang2 ini ada-lah berkuatkuasa menurut cheraian (2) dari bab ini, berthabit dengan chara-nya yang kesalahan2 di-bawah Undang2 ini boleh di-kenakan hukuman jika di-dapati thabit-kesalahan.

(2) Berhubong dengan sasatu kesalahan di-bawah satu sharat dari Undang2 ini yang di-nyatakan dalam ruang pertama dari Jadual Kedua (jenis 'am kesalahan itu ada di-huraikan di-dalam ruang kedua) —

(a) ruangan2 ketiga, keempat dan kelima masing2-nya menunjukkan hukuman2 yang mungkin di-kenakan keatas sa-saorang yang telah di-dapati thabit-kesalahan-nya menurut sama ada dadah yang di-kawal itu berhubong dengan kesalahan yang telah di-lakukan jenis dadah Kelas A, Kelas B atau Kelas C; dan

(b) ruangan keenam menunjukkan hukuman2 yang mungkin di-kenakan keatas sa-saorang yang telah di-dapati thabit-kesalahan-nya sama ada atau tidak kesalahan itu telah di-lakukan berhubong dengan sasatu dadah yang di-kawal dan, jika kesalahan itu telah di-lakukan demikian, dengan tidak menghiraukan sama ada dadah itu jenis Kelas A, Kelas B atau Kelas C,

di-mansuhkan

oleh E 10/1982

di-tulis ulang
oleh C. 10/1978

Penggal 7.

~~dan di-dalam ruangan2 ketiga, keempat, kelima dan keenam sebutan mengenai sasuatu tempoh memberikan tempoh penjara yang paling lama atau paling kurang seperti yang di-tetapkan, sebutan mengenai sasuatu jumlah wang memberikan denda yang paling tinggi atau paling rendah seperti yang di-tetapkan, dan sebutan mengenai bilangan sebat memberikan bilangan sebat dengan mana pesalah itu ada-lah, serta alok kapada bab2 257, 258, 259 dan 260 dari Undang2 Peratoran Jenayah, di-hukum.~~

(3) Sesiapa jua yang telah di-dapati thabit-kesalahan-nya melakukan sasuatu kesalahan dibawah Bahagian II dari Undang2 ini boleh, jika kesalahan itu di-lakukan bagi kali kedua atau berikut-nya, di-kenakan hukuman dua kali ganda dari yang di-persharatkan bagi kesalahan itu:

Dengan sharat bahawa tiada sesiapa pun boleh di-hukum dengan hukuman sebat yang melebelhi bilangan sebat yang sesuai kepada kes-nya itu di-bawah sharat2 cheraian (1) atau (5) dari bab 257 dari Undang2 Peratoran Jenayah.

Penggal 7.

BAHAGIAN IV

AM

Bidangkuasa
Mahkamah2 dan
pendakwaan.

30. (1) Sa-sabuah Mahkamah Majistret Kelas Satu ada-lah mempunyai bidangkuasa untuk membicharakan dan memutuskan semua perbincaraan di-bawah Undang2 ini dan, dengan tidak menghiraukan sebarang sharat dari mana2 undang2 bertulis yang bertentangan, Mahkamah sedemikian ada-lah mempunyai kuasa untuk mengenakan sebarang hukuman atau penyatuan hukuman2 yang di-persharatkan bagi sasuatu kesalahan di-bawah Undang2 ini yang masing2-nya tidak melebelhi 5 tahun penjara, denda sebanyak 20,000 ringgit dan 5 kali sebat.

(2) Bilamana sa-saorang di-tudoh di-hadapan sa-sabuah mahkamah dengan sasuatu kesalahan di-bawah Undang² ini atau mana2 perotoran yang di-perbuat di-bawah-nya, se-barang langkah perbicharaan selanjut-nya ber-thabit dengan kesalahan demikian boleh di-ambil terhadap-nya tanpa kebenaran bertulis dari Penda'awa Raya atau sa-saorang Timbalan Penda'awa Raya, kechuali sebagaimana yang mahkamah mungkin memikirkan perlu dengan chara tahanan sama ada dalam jagaan atau sechara lain untok menjamin kehadziran orang yang di-tudoh itu.

Lepas tanggongan
(Indemnity).

31. (1) Kerajaan tidak-lah bertanggongjawab untok mengganti sebarang kerosakan yang di-sebabkan kapada mana2 barang atau harta-benda akibah dari sasuatu pemasukan, penggeledahan atau penahanan di-bawah sharat² Undang² ini melainkan kerosakan tersebut di-sebabkan oleh kechuaian yang sengaja atau sa-saorang pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan itu tidak memenohi kewajipan-nya.

(2) Jika berlaku apa2 pertikaian tentang jumlah mana2 kerosakan yang di-sebabkan demikian maka jumlah kerosakan itu hendak-lah di-pastikan dan di-tentukan terus oleh sa-sabuah Mahkamah Majistret Kelas Satu.

Perlindungan
orang² yang
bertindak di-bawah
kuatkuasa Undang²
ini.

32. Sesiapa juu yang melakukan sasuatu perbuatan menurut bertujuan menurut mana2 sharat dari Undang² ini atau mana2 perotoran yang di-perbuat di-bawah-nya tidak-lah terta'alok kapada sebarang tanggongan sivil atau jenayah berhabit dengan-nya, sama ada atas alasan kekurangan bidangkuasa, kekhilafan undang² atau kenyataan, atau apa juu alasan lain, melain-kan ia telah bertindak dengan churang atau dengan tidak berhati² yang berpatutan.

Rawatan bagi
penageh2 dadah.

33. (1) Pesurohjaya Pulis boleh mengkehendakki mana2 orang yang ia mengshakki dengan berpatutan sebagai sa-saorang penageh dadah supaya di-pereksa oleh doktor atau di-awasi oleh sa-saorang pegawai perubatan Kerajaan atau sa-saorang tukang ubat.

(2) Jika akibah dari pemereksaan atau pengawasan sademikian maka nampaknya kepada Menteri Besar bahawa ada-lah perlu bagi orang sademikian untuk menjalani rawatan di-sa-sabuah yayasan yang di-luluskan, Menteri Besar boleh mengkehendakki orang tersebut supaya menghadziri yayasan yang di-luluskan itu kerana rawatan selama sasuatu tempoh yang Menteri Besar satelah berunding dengan yayasan tersebut, mungkin menentukan.

(3) Sa-saorang yang menjadi penageh dadah boleh dengan sukarela menjalani rawatan di-sa-sabuah yayasan yang di-luluskan dan sebarang kenyataan yang di-buat oleh orang itu bagi maksud menjalani rawatan tersebut tidak-lah boleh di-terima sebagai bukti keterangan terhadapnya berhabit dengan sebarang penda'awaan berikutnya bagi sasuatu kesalahan dibawah Undang2 ini.

(4) Sa-sabuah yayasan yang di-luluskan boleh menerima masok sesiapa jua penageh dadah untuk rawatan sukarela dengan sharat2 dan penentuan2 yang mungkin di-tetapkan.

Peratoran2.

34. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) yang mengadakan sharat bagi pengeluaran lesen2 bagi pengimutan, pengekspotan, penjualan, pengkilangan, penghasilan atau pengedaran dadah yang di-kawal;

- (b) bagi menetapkan bentok, lama-nya serta sharat2 dan penentuan sebarang lesen dan biaya2 yang kena di-bayar terhadap-nya, dan mengadakan sharat bagi pembatalan dan penggantongan-nya;
- (c) untuk membenarkan penjualan atau pemilekan atau urusan lain terhadap dadah yang di-kawal serta menentukan perihal2-nya dan sharat2 di-bawah mana dadah yang di-kawal boleh di-jual, di-mileki atau dengan sechara lain di-uruskan oleh orang2;
- (d) yang mengkehendakki tukang2 ubat, tukang2 gigi, ahli2 ubat2an, doktor2 haiwan dan orang2 lain yang mengendalikan dadah yang di-kawal sebagaimana yang mungkin di-benarkan oleh peratoran2 yang di-perbuat di-bawah Undang2 ini untuk menyimpan rekod2 dan membuat penyata2;
- (e) yang mengkehendakki mana2 tukang ubat yang merawat sa-saorang yang ia fikirkan atau mempunyai sebab2 yang munasabah untuk mengshakki ada-lah penageh mana2 dadah yang di-kawal untuk memberikan kapada pehak berkuasa yang di-tetapkan akan butir2 berthabit dengan orang itu sebagaimana yang mungkin di-tetapkan;
- (f) yang melarang mana2 tukang ubat dari mempergunakan, membekalkan dan membenarkan penggunaan dan pembekalan kapada orang yang menjadi penageh dadah yang di-

kawal, dan dari menentukan bagi orang2 sademikian, dadah tersebut;

- (g) tentang membungkus dan menandai dadah yang di-kawal;
- (h) bagi mengator pengangkutan dadah yang di-kawal dan chara yang akan di-gunakan untuk memusnahkan atau melakukan apa sahaja dengan sechara lain kapada dadah itu manakala tidak dikehendakki lagi;
- (i) yang mengkehendakki langkah2 supaya di-ambil bagi jagaan yang selamat terhadap dadah yang di-kawal;
- (j) untuk mengadakan sharat bagi pemereksaan terhadap apa ju langkah yang di-ambil atau rekod2 yang di-simpan menurut peratoran2 yang di-buat di-bawah bab ini;
- (k) untuk mengadakan sharat bagi rawatan dan pemulehan orang2 yang terpengaroh oleh penyalahgunaan dadah yang di-kawal;
- (l) yang menentukan hukuman dengan denda yang tidak melebihi sapuloh ribu ringgit atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi empat tahun atau kedua2-nya yang akan di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahan kerana pelanggaran mana2 peratoran;
- (m) yang menentukan apa sahaja yang mungkin di-tentukan; dan
- (n) pada ‘am-nya bagi menjalankan maksud2 dan sharat2 Undang2 ini.

(2) Peratoran2 yang di-perbuat oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat di-bawah bab ini boleh —

- (a) membuat sharat2 yang berlainan berhubung dengan dadah yang dikawal yang berlain2an, jenis2 orang yang berlain2an atau kes2 atau perihal2 yang berlain2an;
- (b) menjadikan pendapat, persetujuan atau kebenaran pehak berkuasa yang di-tetapkan atau orang yang di-beri kuasa sebagai mustahak bagi maksud2 mana2 sharat;
- (c) membuat sharat bagi penubohan dan tatachara sa-sabuah tribunal untuk menasehatkan Sultan dalam Majlis Mashuarat dalam mana2 kes pelanggaran Undang2 ini atau peratoran2 yang di-perbuat dibawah-nya oleh mana2 tukang ubat, tukang gigi, ahli2 ubat2an, doktor haiwan atau orang lain yang di-beri kuasa; dan
- (d) memasokkan sharat2 sebagaimana yang Sultan dalam Majlis Mashuarat memikirkan patut bagi maksud melaksanakan peralehan daripada apa jua sharat yang telah di-buat oleh atau dengan kuatkuasa Undang2 Dadah Yang Berbahaya, 1956 yang di-mansokhkan oleh Undang2 ini kapada apa jua sharat yang di-buat oleh atau dengan kuatkuasa Undang2 ini.

(3) Sa-saorang pemereksa yang di-lantek menurut mana2 peratoran yang di-perbuat oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat di-bawah bab ini ada-lah di-anggap sebagai saorang pegawai kerajaan bagi maksud2 Undang2 Jenayah.

Kuasa Sultan
dalam Majlis
Mashuarat untuk
meminda Jadual
Pertama.

Pemansokhan.
No. 14 tahun 1956.

35. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh, dengan perentah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual Pertama kepada Undang2 ini.

36. Undang2 Dadah Yang Berbahaya, 1956 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

**JADUAL PERTAMA
DADAH YANG DI-KAWAL
BAHAGIAN I
DADAH KELAS A**

1. Benda2 dan keluaran2 yang berikut, ia-itu:—

- Acetorphine
- Allylprodine
- Alphacetylmethadol
- Alphameprodine
- Alphamethadol
- Alphaprodine
- 2-amino-1 (2, 5-dimethoxy-4-methyl) phenylpropane
- Anileridine
- Benzethidine
- Benzylmorphine (3-benzylmorphine)
- Betacetylmethadol
- Betameprodine
- Betamethadol
- Betaprodine
- Bezitramide
- Bufotenine
- Cannabinol, kechuali jika terkandong dalam cannabis atau damar cannabis

BAHAGIAN I (*Sambongan*)

Hasil keluaran (derivatives) Cannabinol
Clonitazene
Daun Coca
Cocaine
Codoxime
Desomorphine
Dextromoramide
Diamorphine
Diampromide
Diethylthiabutene
Dihydromorphine
Dimenoxadole
Dimepheptanol
3-(1, 2-dimethylhepty)-1-hydroxy-7, 8, 9, 10 tetrahydro-6, 6, 9-trimethyl-6h-dibenzo [b, d] pyran.
Dimethylthiambutene
Dioxaphetyl butyrate
Diphenoxylate
Dipipanone
Drotebanol
Ecgonine, dan apa juu hasil keluaran (derivative ecgonine) yang boleh di-ubah menjadi ecgonine atau cocaine
Ethylmethylthiambutene
Etonitazene
Etorphine
Etoxeridine
Fentanyl
Furethidine
Hydrocodone
Hydromophinol
Hydromophone
Hydroxypethidine

BAHAGIAN I (*Sambongan*)

Isomethadone
Ketobemidone
Levomethorphan
Levomoramide
Levophenacylmorphan
Levorphanol
Lysergamide
Lysergine dan hasil keluaran (derivatives)
lain N-alkyl dari lysergamide
Mescaline
Metazocine
Methadone
Methadyl acetate
Methyldesorphine
Methyldihydromorphone (6-methyldihydro-
morphine)
Metopon
Morpheridine
Morphine
Morphine methobromide, morphine N-oxide
dan hasil keluaran (derivatives) pentava-
lent nitrogen morphine
Myrophine
Nocomorphine (3, 6-dinicotinoyl-morphine)
Noracymethadol
Norlevorphanol
Normethadone
Normorphine
Norpipanone
Chandu, sama ada mentah, di-masak atau
jenis ubatan
Oxycodone
Oxymorphone

BAHAGIAN I (*Sambongan*)

- Parahexyl (3-hexyl-1-hydroxy-7, 8, 9, 10-tetrahydro-6, 6, 9-trimethyl 6H-dibenzo [b, d] pyran
- Pethydine
- Phenadoxone
- Phenampromide
- Phenazocine
- Phenomorphan
- Phenoperidine
- Piminodine
- Piritramide
- Jerami-bunga chandu (Poppy-straw dan pati dari jerami bunga chandu (poppy-straw).
- Proheptazine
- Properidine (1-methyl-4-phenyl-piperidine-4-carboxylic acid isopropyl ester)
- Psilocin
- Racemethorphan
- Racemoramide
- Racemorphan
- Thebacon.
- Thebaine.
- 4-Cyano-2-dimethylamino-4-diphenylbutane.
- 4-Cyano-1-methyl-4-phenyl-piperidine.
- N, N-Diethyltryptamine.
- N, N-Dimethyltryptamine.
- 2.5 Dimethoxy-a, 4-dimethyl-phenethylamine.
- 1-Methyl-4-phenylpiperidine-4-carboxylic acid.
- 2-Methyl-3-morpholino-1, 1-diphenylpropane-carboxylic acid.
- 4-Phenylpiperidine-4-carboxylic acid ethyl ester.

2. Apa jua bentok dari bahan stereoisomeric yang pada itu di-tetapkan dalam perenggan 1 dari Bahagian ini yang bukan dextromethorphan atau dextrorphan.
3. Apa jua ester atau ether dari sasuatu bahan yang pada masa itu di-tetapkan dalam perenggan 1 atau 2 dari Bahagian ini yang bukan bahan yang pada masa itu di-tetapkan dalam Bahagian II dari Jadual ini.
4. Apa jua garam dari sasuatu bahan yang pada masa itu di-tetapkan dalam mana2 dari perenggan2 1 hingga 3 dari Bahagian ini.
5. Apa jua persediaan atau keluaran lain yang mengandungi sasuatu bahan atau keluaran yang pada masa itu di-tetapkan dalam mana2 perenggan2 1 hingga 4 dari Bahagian ini.
6. Apa jua persediaan yang di-maksudkan untuk di-gunakan sechara suntekan yang termasuk sasuatu bahan atau keluaran yang pada masa itu di-tetapkan dalam mana2 dari perenggan2 1 hingga 3 dari Bahagian II dari jadual ini.

BAHAGIAN II

DADAH JENIS B

1. Bahan2 dan keluaran2 yang berikut, ia-itu:—

Acetyldihydrocodeine
Amphetamine
Cannabis dan damar cannabis
Codeine
Dexamphetamine
Dihydrocodeine

BAHAGIAN II (*Sambongan*)

Ethylmorphine (3-ethymorphine)

Methylamphetamine

Methylphenidate

Nicocodine

Nicodicodine

Norcodeine

Phenmetrazine

Pholcodine

Propiram

2. Apa jua bentok dari sasuatu bahan stereoisomeric yang pada masa itu di-tetapkan dalam perenggan 1 dari Bahagian ini.

3. Apa jua garam dari sasuatu bahan yang pada masa itu di-tetapkan dalam perenggan 1 atau 2 dari Bahagian ini.

4. Apa jua persediaan atau keluaran lain yang mengandungi sasuatu bahan atau keluaran yang pada masa itu di-tetapkan dalam mana2 dari perenggan2 1 hingga 3 dari Bahagian ini, yang bukan sasuatu persediaan yang termasuk dalam perenggan 6 dari Bahagian I dari Jadual ini.

BAHAGIAN III**DADAH KELAS C**

1. Bahan2 yang berikut, ia-itu:—

Benzphetamine

Chlorphentermine

Mephentermine

Methaqualone

Phendimetrazine

Pipradrol

2. Apa jua bentok dari sasuatu bahan yang pada masa itu di-tetapkan dalam perenggan 1 dari Bahagian ini.
3. Apa jua garam dari sasuatu bahan yang pada masa itu di-tetapkan dalam perenggan 1 atau 2 dari Bahagian ini.
4. Apa jua persediaan atau keluaran lain yang mengandungi sasuatu bahan yang pada masa itu di-tetapkan dalam mana2 dari perenggan2 1 hingga 3 dari Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

MA'ANA AYAT2 TERTENTU YANG DI-GUNAKAN DALAM JADUAL INI

Bagi maksud2 Jadual ini —

“hasil keluaran (derivatives) cannabinol” berma’ana bahan yang berikut kechuali jika terkandong di-dalam cannabis atau damar cannabis, ia-itu hasil keluaran (derivatives) tetrahydro dari cannabinol dan 3-akyl homologues cannabinol atau dari hasil keluaran (derivatives) tetrahydro-nya;

“daun coca” berma’ana daun dari apa jua pokok dari jenis Erythroxylon daripada daun2 mana cocaine boleh diperah sama ada dengan sechara langsung atau dengan chara mengubah bentok-nya dengan jalan kimia;

“pati dari jerami bunga chandu (concentrate of poppy-straw)” berma’ana benda yang di-hasilkan bilamana jerami bunga chandu telah menjadi keadaan yang menjadikan-nya pati alkaloids-nya;

“chandu jenis ubatan” berma’ana chandu mentah yang telah menjalani pengolahan yang perlu untuk men-sesuaikan-nya bagi kegunaan ubatan menurut kehendak2 British Pharmacopoeia, sama ada ia-nya berupa serbok atau berbiji2 atau dalam apa jua bentok lain, dan sama ada ia-nya berchampor atau tidak berchampor bahan2 neutral;

“opium poppy” berma’ana pokok dari jenis2 *Papaver somniferum* L;

“persediaan” berma’ana sasuatu champaoran, pejal atau chaer, yang mengandungi sasuatu dadah yang di-kawal;

“jerami pokok chandu (poppy straw)” berma’ana semua bahagian, kechuali biji2-nya, daripada pokok chandu (opium poppy), salepas di-potong;

“chandu mentah” termasok chandu berupa serbok atau berbiji2 tetapi tidak termasok chandu jenis ubatan.

JADUAL KEDUA

Bab Yang Manjadikan Kesalahan	Jenis 'Am Kesalahan	Dadah Kelas A yang terlibat	Dadah Kelas B yang terlibat	Dadah Kelas C yang 'Am terlibat	Hukuman
~ 3	Memperdagangkan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran	Paling tinggi 20 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali Paling rendah 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya dan sebat 2 kali	Paling tinggi 20 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali Paling rendah 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya dan sebat 2 kali	Paling tinggi 10 tahun atau \$20,000 atau kedua2-nya dan sebat 5 kali Paling rendah 2 tahun atau \$3,000 atau kedua2-nya dan sebat 1 kali	Paling tinggi 10 tahun atau \$20,000 atau kedua2-nya dan sebat 5 kali Paling rendah 2 tahun atau \$3,000 atau kedua2-nya dan sebat 1 kali
	Memperdagangkan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran terhadap orang2 di-bawah umur 18 tahun	Paling tinggi 30 tahun atau \$50,000 atau kedua2-nya dan sebat 15 kali	Paling tinggi 30 tahun atau \$50,000 atau kedua2-nya dan sebat 15 kali	Paling tinggi 20 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali	Paling tinggi 20 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali
		Paling rendah 5 tahun atau \$10,000 atau kedua2-nya dan sebat 3 kali	Paling rendah 5 tahun atau \$10,000 atau kedua2-nya dan sebat 3 kali	Paling rendah 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya dan sebat 2 kali	

JADUAL KEDUA (*Sambongan*)

Bab Yang Menjadikan Kesalahan		Jenis 'Am Kesalahan			Hukuman		
		Dadah Kelas A yang terlibat	Dadah Kelas B yang terlibat	Dadah Kelas C yang terlibat	'Am		
4	Pengkilangan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran	Paling tinggi 30 tahun atau \$50,000 atau kedua2-nya dan sebat 15 kali	Paling tinggi 30 tahun atau \$50,000 atau kedua2-nya dan sebat 15 kali	Paling tinggi 20 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali	—		
		Paling rendah 5 tahun atau \$10,000 atau kedua2-nya dan sebat 3 kali	Paling rendah 5 tahun atau \$10,000 atau kedua2-nya dan sebat 3 kali	Paling rendah 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya dan sebat 2 kali	—		
5	Mengimpot atau meng-ekspot dadah yang di-kawal tanpa kebenaran	Paling tinggi 30 tahun atau \$50,000 atau kedua2-nya	Paling tinggi 30 tahun atau \$50,000 atau kedua2-nya	Paling tinggi 20 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya	—		
		Paling rendah 5 tahun atau \$10,000 atau kedua2-nya	Paling rendah 5 tahun atau \$10,000 atau kedua2-nya	Paling rendah 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya	—		
6(a)	Pemilekan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran	—	—	—	Paling tinggi 10 tahun atau \$20,000 atau kedua2-nya		
					Paling rendah bagi kesalahan kedua atau berikut-nya 2 tahun atau \$3,000 atau kedua2-nya		

JADUAL KEDUA (*Sambongan*)

Bab Yang Menjadikan Kesalahan	Jenis 'Am Kesalahan	Hukuman			'Am
		Dadah Kelas A yang terlibat	Dadah Kelas B yang terlibat	Dadah Kelas C yang terlibat	
6(b)	Menghisap, menggunakan sendiri atau memakan dadah yang di-kawal	—	—	—	Paling tinggi 10 tahun atau \$20,000 atau kedua2-nya
7	Pemilek paip2, alat2, dsb. untuk menghisap, menggunakan atau memakan dadah yang di-kawal	—	—	—	Paling tinggi 1 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya
8	Penanaman pokok cannabis chandu dan coca	—	—	—	Paling tinggi 20 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya
	Sebagai tuan punya, penyewa, penghuni atau orang yang berkenaan dengan pengurusan bangunan dan membenarkan atau membiarkan kegiatan2 tertentu dilakukan di-situ	Paling tinggi 10 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya	Paling tinggi 10 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya	Paling tinggi 5 tahun atau \$10,000 atau kedua2-nya	—

JADUAL KEDUA (*Sambongan*)

Bab Yang Menjadikan Kesalahan	Jenis 'Am Kesalahan	Dadah Kelas A yang terlibat	Dadah Kelas B yang terlibat	Dadah Kelas C yang terlibat	'Am
	Bersubahat atau menghasilkan perlakuan kesalahan di-luar Negeri Brunei yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah undang2 yang serupa	Paling rendah 2 tahun atau \$4,000 atau kedua2-nya	Paling rendah 2 tahun atau \$4,000 atau kedua2-nya	Paling rendah 1 tahun atau \$2,000 atau kedua2-nya	—
27(a)	Menghalang perjalanan kuasa2	—	—	—	Paling tinggi 10 tahun atau \$40,000 atau kedua2-nya
(b)	Gagal mematohi kehendak2 yang sah di-sisi undang2	—	—	—	Paling rendah 2 tahun atau \$4,000 atau kedua2-nya
(c)	Gagal memberikan ma'alumat	—	—	—	Paling tinggi 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya
					Paling tinggi 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya
					Paling rendah 6 bulan atau \$1,000 atau kedua2-nya
					Paling tinggi 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya
					Paling rendah 6 bulan atau \$1,000 atau kedua2-nya
					Paling tinggi 3 tahun atau \$5,000 atau kedua2-nya

JADUAL KEDUA (*Sambongan*)

Bab Yang Manjadikan Kesalahan	Jenis 'Am Kesalahan	Dadah Kelas A yang terlibat	Dadah Kelas B yang terlibat	Dadah Kelas C yang 'Am terlibat	Hukuman
(d)	Memberi ma'alumat falsu	—	—	—	Paling rendah 6 bulan atau \$1,000 atau kedua2-nya
28(2)	Gagal membekalkan chontoh ayer kenching untuk pemerekaan ayer kenching	—	—	—	Paling tinggi \$5,000